

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
(KOTA RAJA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.11.2015**

**Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes yang telah berjaya dibawa ke mahkamah dibawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Akta 613) dan apakah pengecualian-pengecualian jika ada yang menyebabkan kes-kes tersebut terkecuali dari dakwaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut statistik daripada Jabatan Peguam Negara dari tahun 2009 sehingga September 2015, sebanyak 1,157 kertas siasatan telah dibuka dan 177 kes telah dibawa ke mahkamah di mana 87 kes telah disabitkan kesalahan. Kebanyakan daripada kes pengubahan wang haram yang didakwa melibatkan kesalahan penipuan dan selebihnya adalah merupakan kesalahan rasuah, penyeludupan dan lain-lain.

Dalam tempoh yang sama juga, mahkamah telah berjaya melucutkan harta bernilai RM63 juta daripada kes-kes yang disiasat di bawah *Anti-Money Laundering Act (AMLA)*.

AMLA tidak memperuntukkan sebarang pengecualian terhadap kes-kes yang disiasat daripada didakwa di mahkamah. Keputusan untuk membawa sebarang kes ke mahkamah adalah tertakluk kepada penilaian dan budi bicara pihak Jabatan Peguam Negara berdasarkan keterangan saksi dan bukti-bukti yang terdapat di dalam kes tersebut.